

11/09/1998

Siasatan salah laku diteruskan

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Polis akan menahan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila mempunyai bukti yang mencukupi berhubung dakwaan salah laku beliau, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, polis masih menjalankan siasatan berhubung afidavit di Mahkamah Tinggi yang mengaitkan Anwar dengan kegiatan homoseksual, seks dengan wanita pelbagai bangsa dan cuba memikat isteri orang.

"Polis masih menyiasat. Saya amat yakin apabila mereka mempunyai bukti kukuh untuk mendakwa, mereka akan berbuat demikian," katanya pada sidang akhbar di Carcosa Seri Negara, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri bagaimanapun menjangka, apabila Anwar akan ditahan, bekas timbalannya itu akan menunggu bersama kira-kira 1,000 penyokong di sekeliling untuk mencetuskan masalah.

Dengan itu, katanya, Anwar akan mendapat publisiti meluas, khususnya di media antarabangsa.

Ditanya sama ada Anwar dikenakan tahanan di rumah, Perdana Menteri menjelaskan, dia 'ditahan' penyokong sendiri, yang mengelilinginya ke mana pergi.

"Anwar boleh pergi ke mana-mana saja di negara ini jika dia mahu. Tetapi jika dia membawa bersama 1,000 orang yang sanggup menimbulkan masalah setiap kali tindakan undang-undang mahu diambil terhadapnya, maka dia sudah ditahan oleh mereka sendiri. Apa yang pasti ialah Anwar tidak lagi mempunyai kebebasan," katanya.

Mengenai cabaran Anwar supaya Dr Mahathir mendakwanya di mahkamah jika dakwaan terbukti benar, Perdana Menteri berkata: "Yalah, tapi dia ada 1,000 orang duduk keliling dia dan dia sudah janji, kalau ada sesiapa cuba mengambil dia, dia akan diikuti dengan beribu-ribu orang," katanya.

Menurut Perdana Menteri, jika Anwar yakin dengan sistem kehakiman di negara ini, beliau perlu membenarkan proses undang-undang berjalan dengan baik.

"Dia kata dari awal dia tak percaya pada mahkamah kita. Kalau dia percaya, tak usahlah ada orang yang di sekeliling nak buat kacau. Benarkanlah proses undang-undang berjalan dengan baik," katanya.

Mengenai dakwaan Anwar tidak menerima liputan media massa tempatan, Dr Mahathir menganggap bekas Timbalan Perdana Menteri itu menerima lebih banyak publisiti berbanding beliau.

"Dan sudah tentunya publisiti yang lebih positif di media antarabangsa. Saya tidak pernah menerimanya," kata Perdana Menteri.

Ditanya perasaannya selepas dikecam oleh seseorang yang dilatih untuk menggantikannya, Perdana Menteri menegaskan, sebelum ini beliau pernah 'diserang' oleh Timbalan Perdana Menteri lain.

"Ia adalah sesuatu perkara yang biasa, sebahagian masalah yang perlu dihadapi oleh ahli politik," katanya sambil menambah, Umno juga tidak melarang pemimpinnya menemui Anwar.

Beliau berkata, pihak berkuasa akan membiarkan Anwar mengadakan ceramah di rumahnya kerana Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi. Perdana Menteri juga meminta ahli Umno melakukan sembahyang hajat untuk menentukan kebenaran berhubung dakwaan salah laku Anwar.

"Saya tak suruh sembahyang hajat untuk saya menang, atau dia kalah, atau Tuhan murka pada dia. Saya cuma minta sembahyang hajat, supaya kebenaran akhirnya akan jadi kenyataan.

"Kalau saya betul, saya betullah. Kalau dia betul, dia betullah," katanya yang berpendapat, isu pemecatan Anwar tidak akan menjejaskan usaha negara mengumpulkan dana bagi menggerakkan pembangunan ke arah memulihkan pertumbuhan ekonomi.

(END)